



**“NEGARA RAHMAH UMMAH SEJAHTERA”**  
(SEMPENA SAMBUTAN KEMERDEKAAN KE 62)  
(30 OGOS 2019 / 29 ZULHIJJAH 1440)

الْحَمْدُ لِلَّهِ كَانَ بَعِيَادِهِ خَبِيرًا بَصِيرًا。تَبَارَكَ الَّذِي جَعَلَ فِي السَّمَاءِ بُرُوجًا وَجَعَلَ فِيهَا سِرَاجًا وَقَمَرًا مُنِيرًا。أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ بَعَثَهُ بِاللَّهِ بَشِيرًا وَنَذِيرًا。وَدَاعِيًّا إِلَى اللَّهِ يَا ذِنْهِ وَسِرَاجًا مُنِيرًا。  
اللَّهُمَّ صَلُّ وَسِّلُّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى عَالِهِ وَصَحَابِهِ الطَّاهِرِينَ الطَّاهِرِينَ  
وَالْتَّابِعِينَ لَهُمْ يَا حَسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ。  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ。اتَّقُوا اللَّهَ، أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.  
أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
لَقَدْ كَانَ لِسَبِيلِي فِي مَسْكِنِهِمْ أَيَّةٌ جَنَّاتٌ عَنْ يَمِينِ وَشَمَائِلِ كُلُّوْمِنْ رِزْقٌ رَّبِّكُمْ وَأَشْكُرُوا لَهُ  
بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبُّ غَفُورٌ

**SIDANG JUMAAT YANG DI RAHMATI ALLAH SWT,**

Pada hari Jumaat yang mulia ini, saya berpesan kepada diri saya dan kepada sidang Jumaat sekalian, marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah ﷺ dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya dan hendaklah kita sentiasa bersyukur diatas segala nikmat yang Allah ﷺ kurniakan.

**SIDANG JUMAAT YANG DI RAHMATI ALLAH SWT,**

Salah satu rahmat yang diberikan Allah SWT kepada kita adalah nikmat kemerdekaan. Sempena dengan sambutan Hari Kemerdekaan Malaysia

kali yang ke 62 ini khatib ingin mengajak sidang jemaah untuk menghayati khutbah bertajuk: “**NEGARA RAHMAH UMMAH SEJAHTERA** ”.

## **SIDANG JUMAAT YANG DI RAHMATI ALLAH SWT,**

Secara umumnya kemerdekaan adalah kebebasan daripada cengkaman penjajah dalam semua aspek sama ada secara fizikal ataupun pemikiran. Kita amat bersyukur kerana negara kita telah mencapai kemerdekaan selama 62 tahun. Namun kita hendaklah bermuhasabah diri dengan menjadikan sambutan hari kemerdekaan negara setiap tahun sebagai titik tolak untuk menilai apa yang telah kita lakukan bagi mengisi dan memberi makna yang jelas kepada nikmat kemerdekaan. **Persoalannya, sejauh manakah perancangan yang kita lakukan bagi memperkuatkan pembinaan sebuah negara RAHMAH, Negara yang masyarakatnya hidup dalam keadaan ramah, aman, harmoni, mesra dan hormat menghormati yang akhirnya menatihahkan masyarakat yang aman sejahtera.** Pastinya masih banyak peranan yang boleh kita berikan bersama-sama bagi terus membina negara yang cemerlang dan memberi makna jelas kepada kemerdekaan negara dan rakyat. Firman Allah SWT dalam Surah Saba' :ayat 15.

أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
لَقَدْ كَانَ لِسَابًا فِي مَسْكَنِهِمْ أَيَّةً جَنَّاتٍ عَنْ يَمِينِ وَشَمَائِلِ كُلُّوْنِ مِنْ رِزْقِ رَبِّكُمْ وَآشْكُرُوا لَهُ  
بَلْدَةً طَيِّبَةً وَرَبُّ عَنْفُورٍ

**Maksudnya:** “Demi sesungguhnya bagi penduduk negeri Saba, satu tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) yang terdapat di tempat tinggal mereka, iaitu dua kumpulan kebun (yang luas lagi subur), yang terletak di sebelah kanan dan sebelah kiri (kariah mereka). (Lalu dikatakan kepada mereka): Makanlah dari rezeki pemberian Tuhan kamu dan bersyukurlah kepada-Nya (negeri kamu ini adalah) negeri yang baik (aman dan makmur) dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan yang Maha Pengampun! ”. (Surah Saba':15).

## **SIDANG JUMAAT YANG DI RAHMATI ALLAH SWT,**

Suatu ungkapan yang menggambarkan kemerdekaan jiwa yang dimiliki oleh seorang muslim telah diucapkan oleh sahabat Nabi ﷺ bernama Rab'i bin 'Amir (رَبْعَى بْنُ عَمِيرٍ) ketika ditanyakan tujuan kehadirannya ke bumi Parsi. Sebuah kisah yang mashyur, pertemuan bersejarah Rab'i bin 'Amir ﷺ dengan panglima tentera Parsi bernama Rustum telah membawa sebuah slogan kemerdekaan serta kebebasan yang sebenar menurut Islam. Beliau menyatakan “Allah ﷺ telah mengutuskan kami untuk membebaskan manusia daripada pengabdian sesama manusia kepada pengabdian hanya kepada Allah semata-mata, daripada kezaliman agama-agama kepada keadilan Islam, daripada kesempitan dunia kepada keluasan dunia dan akhirat”. Beliau tidak merasa rendah di hadapan para pemuja harta, juga tidak merasa hina berhadapan dengan para penguasa, kerana memiliki jiwa merdeka berdasarkan tarbiyah Islam.

## **SIDANG JUMAAT YANG DI RAHMATI ALLAH SWT,**

Menyelusuri surah al kahfi kita dapat memahami makna kemerdekaan dalam erti kata sebenar, beberapa kisah yang dinyatakan dalam surah ini menggambarkan kepada kita tentang erti merdeka.

**Pertama** :Kisah Ashabul Kahfi menggambarkan kemerdekaan bermaksud bebas daripada keruntuhan akhlak dan kemurkaan Allah ﷺ. Lantaran itu, Islam datang menyelamatkan tamadun manusia daripada sistem perhambaan, sama ada perhambaan sesama manusia ataupun perhambaan terhadap hawa nafsu yang diselaputi oleh syirik, kekufuran, kemungkaran dan kemaksiatan. Kisah tujuh pemuda yang menyelamatkan diri mereka dari raja yang zalim dan tetap

berpegang teguh dengan aqidah yang benar menjauhkan diri dari kekufuran itulah kemerdekaan iaitu memerdekaan diri dari kesesatan kepada cahaya keimanan

**Kedua:** Kemerdekaan menurut Islam sebagai al-Salam (kesejahteraan, kedamaian dan keamanan), Bagaimana hebatnya zulqarnain memerintah Negara dengan penuh bijaksana membawa rahmah kepada rakyatnya. Kisah yang berbicara tentang raja mulia yang menguasai ilmu dan kekuatan, Ia mengelilingi dunia ini dan menebarkan kebaikan di muka bumi. Ia mampu membendung kejahatan Ya'juj dan Ma'juj dengan mendirikan tembok kukuh. Kisah ini mengabarkan ujian kekuasaan. Sehingga tidak sewenang-wenang berbuat aniaya dan membuat kerusakan di muka bumi. Pemerintahan yang mengambarkan penguasa yang tidak terfitnah dengan kekuasaan dan kekuatannya. Ia gunakan Anugerah Allah tersebut untuk mencari akhirat dengan membuat kebaikan di muka bumi dan menolong manusia lemah sehingga wujudlah kesejahteraan, keselamatan, kedamaian dan keamanan.

**Ketiga :**Kisah pemilik kebun. Ia lupa dengan pemberi nikmat. Sehingga melampaui batas. Ia tidak bersyukur lalu Allah menghancurkan segala nikmat tersebut sekelip mata, sehingga dia berada dalam penyesalan. Kisah ini menerangkan tentang bahaya fitnah dunia berupa harta dan anak.

“Sesungguhnya Kami telah menjadikan apa yang ada di bumi sebagai perhiasan baginya, agar Kami menguji mereka siapakah di antara mereka yang terbaik perbuatannya.” (QS. Al-Kahfi: 7)

Kemerdekaan sebenar ialah kita mampu menyelamatkan diri dari penyakit **wahan** iaitu حب الدنيا وكراهية الموت

Seorang sahabat bertanya: ‘Ya Rasulullah, apa penyakit al wahan itu?’

Rasulullah ﷺ menjawab: ‘Al Wahan adalah penyakit cinta dunia dan takut mati’ (HR. Abu Dawud).

## **SIDANG JUMAAT YANG DI RAHMATI ALLAH SWT,**

Selain itu, kemerdekaan bukan bermakna kita bebas melakukan apa sahaja dalam hidup ini. Pengisian kemerdekaan hendaklah dilaksanakan mengikut acuan yang sebenar ke arah perpaduan, ukhuwwah dan kasih sayang. Rasulullah ﷺ apabila berhijrah ke Madinah telah mempersaudarakan antara golongan Muhajirin dan Ansar di Madinah. Pada masa yang sama juga Rasulullah ﷺ dengan bijaksananya turut mengadakan perjanjian kerjasama antara orang Islam dan bukan Islam.

**Bertitik tolak dari sinilah gagasan Rahmatan Lil Alamin yang berteraskan maqasid al-Syariah dan model malaysia diimplementasikan sebagai satu gagasan baru kerajaan dalam mengurus tadbir negara menuju Negara Rahmah,** Dalam gagasan ini hubungan sesama manusia dengan tujuan saling memahami dan menghormati antara satu sama lain di beri perhatian dan penekanan. Penciptaan manusia dengan kriteria dan watak yang berbeza dan terdiri daripada pelbagai bangsa dan keturunan sudah tentulah berbeza dari segi cara hidup, adat dan budaya serta amalan keagamaan.

Oleh itu, bagi memastikan kemerdekaan dapat dikecapi selama-lamanya kepelbagaian ini hendaklah dilangsungkan di negara kita dengan murni dan penuh toleransi, maka kita perlulah saling memahami kehendak dan kewajipan masing-masing. Allah SWT memerintahkan kita untuk bersatu dan saling kenal mengenal antara satu sama lain. Allah SWT sebagaimana firman-Nya dalam Surat Al-Hujurat Ayat 13

يَتَأْتِيهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُم مِّنْ ذَرَّةٍ وَأَنْشَأْنَاكُمْ شَعُورًا وَبَآءَ إِلَّا  
لِتَعَارِفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَنْتَنَكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ حَسِيرٌ



Maksudnya: Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling takwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal.

### **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Pendekatan yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW yang unik bagi mewujudkan kesatuan ummah dengan menyeru umat Islam mengukuhkan perpaduan dan persefahaman antara satu sama lain. Rasulullah SAW telah menunjukkan contoh dan cara menunaikan kewajipan terhadap agama, masyarakat dan negara dengan memperkuatkan persefahaman dan perpaduan penduduk Madinah yang terdiri daripada pelbagai kaum, bangsa, agama dan keturunan yang termeterai melalui Piagam Madinah. Abu Sufian RA ketika diutus Rasulullah SAW ke Parsi, telah mengadap Raja Herculis. Herculis bertanya kepada Abu Sufian apa yang diperintahkan oleh Nabi SAW, Abu Sufian menyatakan: “*Sembahlah Allah Yang Maha Esa, jangan mensyirikkan Tuhan, Islam adalah agama Tuhan, menyuruh kami melaksanakan solat, bersifat jujur, meninggalkan perbuatan buruk dan menyambung silaturrahim.* (Muttafaqun alaih).

Berdasarkan penjelasan Abu Sufian RA kepada pemimpin bukan Islam tersebut jelas bahawa amalan saling memahami dan menghormati adalah dasar

penting yang berperanan untuk menangani isu kemasyarakatan dalam sesebuah negara.

## **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Kemerdekaan ialah suatu nikmat dan usaha untuk mengekalkan perpaduan dan keharmonian adalah satu tuntutan. Sebagai mengakhiri khutbah pada hari ini, mimbar ingin mengajak sidang Jumaat sekalian untuk menghayati intipati khutbah yang menyeru kita semua sebagai umat Islam supaya:

Pertama : Mensyukuri nikmat kemerdekaan, keamanan dan kesejahteraan.

Kedua : Melaksanakan pengisian kemerdekaan mengikut acuan Islam ke arah perpaduan, ukhuwwah dan kasih sayang kepada negara.

Ketiga : Untuk mengekalkan keharmonian dan kemakmuran dalam masyarakat majmuk, kita hendaklah saling memahami dan bersatu padu serta berpegang teguh kepada ajaran Islam yang membawa rahmah seluruh alam.

Keempat : Hendaklah kita sentiasa bersyukur di atas segala nikmat Allah.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

لَا يَلَفِ قَرِيشٌ ① إِلَّا لَفِهِمْ رِحْلَةُ الْشَّيْطَانِ وَالصَّيْفِ ② فَلَيَعْبُدُواْ رَبَّ هَذَا الْبَيْتِ ③ أَلَّذِي أَطْعَمَهُمْ مِنْ جُوعٍ  
وَعَامَنَهُمْ مِنْ خَوْفٍ ④

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذُّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِلَيْهِ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَعْفِرُ اللَّهُ الْعَظِيمِ لِيْ  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
فَاسْتَعْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ

## "KHUTBAH KEDUA"

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَحْمَنْ رَحِيمْ وَسَتَعْبُرُهُ وَنَؤْمِنُ بِهِ وَنَتَوَكَّلُ عَلَيْهِ وَنَعُودُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِي اللَّهَ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ وَمَنْ يُضِلِّلُهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ.  
 أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَبَيْنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ سَيِّدَ الْخَلَقِ وَالْبَشَرِ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِّلْمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا وَبَيْنَا مُحَمَّدِ وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ أَجْمَعِينَ.  
 أَمَّا بَعْدُ، فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ، وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ وَنَسَى بِمَا لَيْكَتِهِ الْمُسَبِّحَةِ بِقُدْسِهِ.  
 . فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى مُخْبِرًا وَآمِرًا بِالْمُؤْمِنِينَ :

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَأَيَّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلَوَاتُ اللَّهِ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَسَلَامٌ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ

٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْأَرْبَعَةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٌّ، وَعَنْ أَرْوَاجِ نَبِيِّنَا الْمُطَهَّرَاتِ وَعَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ وَقَرَابَتِهِ وَسَائِرِ الصَّحَابَةِ وَالْتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. وَارْضَ عَنَّا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ ، الْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيُّهُ بِدَاوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلِكِنَا كَبَاوَهُ دُولِي يَعْ مَهَا مُولِيَا سَرِي

قَادُوكَ بِكَيْنِدا يَعْ دَفْرَتوَانَ أَكْوَعَ، السُّلْطَانُ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهُ اَبْنِ المَرْحُومِ سُلْطَانِ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دُولِي يَعْ مَهَا مُولِيَا سَرِي قَادُوكَ بِكَيْنِدا رَاجِ فِرْمِيسُورِيِّ أَكْوَعَ، تُونِكُو (Tunku) حاجَةِ عَزِيزَةِ أَمِينَةِ مَيْمُونَةِ إِسْكَنْدَرِيَّةِ بَنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكِّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانِ إِسْكَنْدَرِ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ مَالِيْزِيَا وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ طَيِّبَةً آمِنَةً مُطْمَئِنَةً رَحِيْمَةً. اللَّهُمَّ سَلِّمْ بِلَادَنَا مِنَ الْمُفْسِدِينَ، وَطَهِّرْهَا مِنَ الْمُتَطَرِّفِينَ، وَوَفْقَنَا جَمِيعًا لِطَاعَتِكَ وَطَاعَةِ رَسُولِكَ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَطَاعَةً مِنْ أَمْرِنَا بِطَاعَتِهِ.

Ya Allah Ya Tuhan Kami. Kami memohon agar dengan rahmat dan perlindungan-Mu, negara kami ini dan seluruh rakyatnya dikekalkan dalam keamanan dan kesejahteraan. Tanamkanlah rasa kasih sayang di antara kami,kekalkanlah perpaduan di kalangan kami. Semoga dengannya kami sentiasa hidup aman damai, makmur dan selamat sepanjang zaman.

﴿رَبَّنَا لَا تُرْغِبْنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَابُ﴾ (سورة آل عمران: ٨)

﴿رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ﴾ (سورة البقرة: ٢٠١)

٢٠١. عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَاتِ وَيَنْهَا عنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ (سورة التحريم: ٩٠). فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.